

30/01/2004

Usahawan Malaysia sia-siakan Forum Ekonomi Jeddah

Salleh Majid

SAYA berpeluang menghadiri Forum Ekonomi Jeddah diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada Sabtu 17 Januari sehingga 19 Januari lalu.

Forum tiga hari itu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Saudi, kawasan serantau dan dunia. Ramai pemimpin dunia termasuk Tun Dr Mahathir dijemput memberikan ucapan.

Dr Mahathir yang bercakap mengenai Recipe for Growth: Malaysia's Vision 2020 menerangkan langkah yang diambil Malaysia untuk mencapai taraf negara sedang maju dan matlamat menjadi negara perindustrian Islam sepenuhnya menjelang 2020.

Sambutan yang beliau terima begitu hebat sehinggakan peserta memberikan standing ovation selepas selesai ucapan beliau.

Seperti biasa pada sesi soal jawab, ramai peserta berebut-rebut bertanyakan sesuatu kepada beliau. Masa sesi soal jawab yang diberikan kepada beliau lebih panjang daripada penceramah lain.

Selain Dr Mahathir, bekas presiden Amerika Bill Clinton menyampaikan ceramah mengenai Global Outlook for 2004 pada hari terakhir.

Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan; Permaisuri Ranie dari Jordan dan Perdana Menteri Lebanon, Rafik Hariri, juga berucap.

Presiden Mexico, Ernesto Zedillo berucap mengenai bagaimana globalisasi boleh memberi faedah kepada semua.

Wakil Iraq, Semir Shakir Mahmud yang juga ahli Majlis Pemerintah Iraq berucap mengenai negaranya sebagai jentera pertumbuhan serantau akan datang.

Transformasi Dubai dari `Pasir kepada Silikon' disampaikan Saeb Egnir, pengarang buku, Sand to Silicon bersama Ketua Pengarah, Jabatan Ekonomi, Dubai, Mohamed Al-Abbar.

Dari Kazahstan, Menteri Luarnya, Kassymzhormart Tokayoo menyampaikan ucapan bertajuk, The Challenge of Growth Facing a Young Nation. Dari Sweden, Menteri Hal Ehwal Ekonomi Antarabangsa dan Pasaran Kewangan, Gunnar Lund menyampaikan pengalaman Sweden memperseimbangkan antara pertumbuhan dan tanggungjawab kebajikan masyarakat.

Beberapa penceramah bercakap mengenai globalisasi. Putera Mohammad KA Al-Faisal menyampaikan ucapan bertajuk Globalisation: Milestones, Myths and Mistakes yang menyentuh anggapan dan harapan terhadap globalisasi.

Seorang profesor dari Harvard Business School, John Quelch bercakap mengenai globalisasi pasaran, dulu, sekarang dan masa depan. Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia sendiri, Dr Supacahi Panitchpakdi, menyampaikan ucapan mengenai masa depan pertubuhan dunia dan peranannya dalam pertumbuhan ekonomi sejagat.

Keusahawanan selaku tulang belakang dalam pertumbuhan dan mewujudkan pekerjaan disentuh oleh Profesor Michael Hay dari London Business School.

Keseluruhannya forum itu memang bermanfaat kepada yang hadir. Hampir 2,000 peserta dari merata dunia termasuk wanita menghadirinya. Malangnya tidak ada peserta dari Malaysia selain anggota Konsul Malaysia dan pegawai yang bertugas untuk Dr Mahathir.

Saya lihat forum begitu rupa menyedarkan peserta mengenai peluang yang ada di negara yang mungkin sebelum ini tidak terfikir oleh usahawan kita untuk meneroka.

Perubahan ke arah globalisasi perdagangan akan memberikan tekanan kepada usahawan untuk mencari peluang baru dalam keadaan yang semakin kompetitif.

Forum yang membentangkan tajuk relevan masa kini dan pemimpin dunia yang

terkenal berserta ahli akademik serta korporat yang dikenali banyak mendatangkan faedah dalam pelbagai perkara.

Bayaran yang dikenakan iaitu AS\$1000 (RM3,800) berbanding maklumat yang diperoleh memang wajar sekali. Rangkaian kenalan yang mungkin dapat dimulakan dengan peserta lain yang kebanyakannya 'orang kuat' dengan sendirinya mendatangkan faedah besar.

Ramai usahawan kita hanya menjelajah mengikut pemimpin negara tetapi tidak mahu meneroka sendiri. Ada kalanya bukan untuk sesuatu perniagaan baru tetapi mahu dilihat oleh pemimpin yang mereka ikut sama.

Bukan itu tidak menguntungkan tetapi tujuan ikut bersama pemimpin mesti jelas supaya perjalanan itu mendatangkan kebaikan kepada perniagaan. Banyak yang dapat kita pelajari daripada orang lain baik dari segi pengurusan, teknologi dan pendekatan.

Walaupun dunia semakin kecil dengan pelbagai perubahan dalam teknologi maklumat dan komunikasi, bersemuka antara satu sama lain tidak akan digantikan dengan internet, telefon dan faksimile.